

PERINGATAN: Tidak Boleh Disiarkan Sebelum 26 Januari 2026 Jam 1100

PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2026
PANGLIMA TENTERA LAUT DI AUDITORIUM
KEMENTAH PADA 26 JANUARI 2026

Tema: “Transformasi Kredibiliti: Memperkasa Armada,
Memartabatkan Maruah”



Alhamdulillah Rabbil A'lamin Wa Bihi Nastain, Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, Tuhan sekalian alam, serta selawat dan salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, para sahabat serta keluarga Baginda.

Yang Berbahagia Laksamana Madya Badarudin bin Taha, Timbalan Panglima Tentera Laut;

Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Baharudin bin Wan Md Nor, Panglima Armada Barat;

Yang Berbahagia Laksamana Madya Dato' Khir Junaidi bin Idris, Panglima Armada Timur;

Panglima-Panglima, Dato'-Dato', Pegawai-Pegawai Memerintah, Pegawai-Pegawai Kanan, Pegawai-Pegawai Waran Markas serta warga *The Navy People* yang saya kasihi sekalian.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

MEMBUKA LEMBARAN TRANSFORMASI

1. Terlebih dahulu, marilah kita merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul dalam majlis penuh bermakna ini.
2. Saya merakamkan ucapan **Selamat Tahun Baharu 2026** kepada seluruh warga *The Navy People*, yang sedang bertugas mengharung gelombang di samudera luas serta yang turut bertungkus lumus di pangkalan demi memastikan kedaulatan tanah air terpelihara.

3. Di kesempatan ini, saya turut ingin menzahirkan warkah ucapan salam dari Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Sultan Negeri selangor yang juga merupakan Kepten Yang Dipertua Tentera Laut Diraja Malaysia.

4. DYMM Tuanku Sultan Selangor beserta Tengku Permaisuri mendoakan seluruh warga Tentera Laut Diraja Malaysia dikurniakan taufiq dan hidayah, sihat wal'afiat dan berada di dalam perlindunganNya serta sentiasa bersedia di dalam melaksanakan tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara.

5. Sebelum saya mengorak langkah lebih jauh, saya terpanggil untuk mengingat kembali waktu ketika malam 31 Disember 2025. Di saat jutaan manusia sedang menanti detik tahun baharu 2026, kita semua telah dikejutkan dengan satu insiden mencemaskan yang berlaku ke atas salah satu pesawat TLDM.

6. Sebuah **helikopter Super Lynx** milik kita telah terpaksa melakukan pendaratan cemas ke permukaan air sewaktu melaksanakan demonstrasi di sekitar perairan Melaka.

7. Namun, dalam keadaan yang getir itu, keempat-empat krew udara yang berada di dalam pesawat tersebut kesemuanya berjaya menyelamatkan diri tanpa mengalami kecederaan yang serius.

8. Apa yang ingin saya katakan disini adalah, insiden yang berlaku itu, seolah-oleh memberikan “*heads up*” atau isyarat kepada kita bahawa **Cabaran Tahun 2026** yang akan datang adalah lebih hebat dan mencabar. *It's a glimpse of what's in store for us in 2026.*

9. Namun, di sebalik cabaran yang akan kita tempuh, Insha'allah kita bersama-sama akan berjaya menempuhi segala cabaran tersebut dengan tekad, kompetensi dan kegigihan yang tersemat di dalam diri semua warga *The Navy People*.

Warga *The Navy People* yang saya kasihi sekalian,

10. Hari ini, institusi Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sedang diasak hebat. Kita dilempar dengan cemuhan, dipalit dengan komen yang jelik di media sosial, dan diselimuti dengan persepsi prejudis daripada segelintir masyarakat.

11. Saya sedar apa yang sedang terbuku dihati tuan-tuan dan puan-puan pada waktu ini. Kita berasa seperti dihina dan tidak dihargai. Namun begitu, dengarlah wahai warga *The Navy People* sekalian.

12. Di sebalik setiap kecaman itu, hakikatnya mereka sedang mengecap nikmat tidur yang lena, keselesaan yang tanpa gangguan, dan keamanan negara yang mutlak semuanya hasil daripada titisan keringat, air mata, dan darah tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang tidak pernah mereka saksikan.

13. Jangan sesekali kita membiarkan awan kekecewaan menyelubungi jiwa. Jangan biarkan kemurungan mematahkan sayap perjuangan. Kita perlu bangkit!

14. Jadikan tahun 2026 ini menjadi saksi kepada sebuah kebangkitan. Tahun di mana kita mengubah cara hidup kita, menjadi perwira yang memberi manfaat kepada tanah air tercinta.

15. Bagi TLDM, tahun 2026 ini adalah tahun untuk kita menterjemahkan konsep **“transformasi dan pembaharuan”**, di mana setiap warga *The Navy People* terus berkembang dalam profesionalisme, disiplin dan dedikasi demi perkhidmatan yang lebih berkesan dan berimpak tinggi, insya-Allah.

16. Alhamdulillah, dengan izin, rahmat dan lindungan Allah Subhanahu Wata’ala, kita telah **berjaya menempuh tahun 2025** dengan penuh ketabahan, disiplin dan dedikasi.

17. Sepanjang tahun yang lalu, pelbagai cabaran telah kita tempuhi bersama, daripada tugas operasi yang mencabar, latihan yang memerlukan fokus yang tinggi, hinggalah pengurusan sumber dan aset yang perlu ditangani secara efektif.

18. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan **penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih** kepada setiap warga *The Navy People* atas komitmen padu, keazaman yang tidak berbelah bahagi, serta semangat kerja berpasukan yang telah ditunjukkan dalam menunaikan setiap amanah.

19. **Syabas dan tahniah** saya ucapkan kepada semua yang telah memberikan sumbangan cemerlang sepanjang tahun 2025.

SOROTAN 2025

ANTARA KEJAYAAN DAN PERINGATAN

Warga *The Navy People* yang saya kasihi sekalian,

20. Penganjuran LIMA '25 telah berjaya mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara maritim dan hab industri maritim serta aeroangkasa serantau. Seramai 860 pempamer dari 24 negara menyertai pameran ini, menjadikannya platform pertahanan dan teknologi terkemuka di Asia Pasifik.

21. Segmen Maritim TLDM menampilkan demonstrasi bersepadu, pameran aset serta penglibatan industri, menarik lebih 93,000 pengunjung, dengan 43 pesawat udara dan 31 kapal terlibat, selain pemeteraian kontrak, MoU dan LOI bernilai RM11 bilion.

22. Saya berasa amat bangga dengan pencapaian ini dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga *The Navy People* yang menjayakan LIMA '25. Dedikasi, disiplin dan semangat kerja berpasukan anda telah mengharumkan nama TLDM serta memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap peranan TLDM dalam menjaga keselamatan dan kestabilan maritim negara.

23. Seterusnya, penganjuran *ASEAN Navy Chiefs' Meeting* (ANCM) Ke-19 di Pulau Pinang telah berjaya memperkukuh kesepaduan tentera laut ASEAN dan meningkatkan kerjasama maritim serantau, dengan penglibatan 88 delegasi dari 10 negara ASEAN termasuk Timor Leste sebagai pemerhati.

24. TLDM turut menganjurkan *ASEAN Multilateral Naval Exercise* (AMNEX) ke-3, *ASEAN Fleet Review*, dan *ASEAN Navies' City Parade*, melibatkan 10 kapal dan kira-kira 1,350 pegawai dan anggota.

25. Saya berasa amat bangga dengan dedikasi, profesionalisme dan komitmen tinggi warga *The Navy People* yang menjayakan ANCM ke-19.

26. Kejayaan ini menandakan kemampuan TLDM dalam menganjurkan **ANCM** berserta **AFR**, sekali gus memperkukuh reputasi TLDM dan keselamatan maritim negara serta serantau. Buat pengetahuan semua, penganjurkan ANCM untuk TLDM menjadi tuan rumah akan hanya berlaku setiap 10 tahun.

Warga *The Navy People* yang saya kasihi sekalian,

27. Walau bagaimanapun, tahun 2025 memberikan kita gambaran yang jelas tentang cabaran yang semakin kompleks. Tahap kesiagaan armada kita mencatatkan angka **58.8%**, iaitu jauh daripada sasaran **75%**.

28. Armada kita kini menghadapi tekanan operasi yang tinggi, di samping **aset-aset yang semakin berusia** dan memerlukan penyelenggaraan rapi.

29. Namun, saya amat berbangga kerana dengan sumber yang terhad, kita masih berjaya melaksanakan **722** siri operasi. Ini termasuk **3 operasi berkala** dan **6 operasi berterusan** yang memastikan kehadiran aset TLDM di Kawasan Operasi Maritim (KOM) tanpa henti.

30. Pujian ini diberikan kepada setiap warga *The Navy People* yang telah berkorban masa, keringat dan tenaga untuk memenuhi keperluan operasi.

31. Walau bagaimanapun, kita harus mengakui bahawa terdapat "ketirisan kewibawaan" dalam aspek **Audit Kesiapsiagaan**.

32. Berdasarkan perbandingan, sebanyak **48 daripada 51 markas dan unit** telah mencapai penarafan **4 bintang dan ke atas** iaitu bersamaan **94.6%** bagi tahun 2024.

33. Namun, pada tahun 2025, sebanyak **43 daripada 51 markas dan unit** telah mencapai penarafan **4 bintang dan ke atas** iaitu bersamaan **84.3%**.

34. Secara kesimpulannya, berlaku penurunan sebanyak **10.3%** tahap kesiapsiagaan markas dan unit berbanding tahun terdahulu dan ianya memerlukan perhatian dan perlu dipertingkatkan di masa akan datang.

35. Ini adalah satu isyarat jelas. Kita tidak boleh membenarkan standard kita merosot. Pada hari ini, ingin sekali lagi saya ingatkan “*The strength of the fleet lies in the preparedness of each individual. Readiness is not an option, it is the foundation of success*”. Jika satu unit lemah, seluruh armada terancam. “***Our strength is defined by the weakest link in the chain.***”

36. Selain itu, dalam aspek **pengurusan kewangan** pula, kita telah membuktikan kecekapan dengan membelanjakan **100%** peruntukan **RM1.816 bilion** pada tahun 2025.

37. Tetapi, peringatan buat tuan-tuan dan puan-puan. Semua daripada kita boleh dan pandai berbelanja, tetapi apakah perbelanjaan itu merupakan “perbelanjaan yang berhemah?”

38. Bagi tahun 2026, kerajaan telah meningkatkan peruntukan TLDM kepada **RM1.986 bilion** bagi **Belanja Mengurus (OE)**. Ia merupakan peningkatan sebanyak **RM170.76** juta dan adalah suatu amanah besar daripada rakyat.

39. Saya mahukan setiap Pengurus Pusat Tanggungjawab (PTJ) memastikan setiap sen digunakan untuk meningkatkan kesiagaan operasi dan kebajikan anggota, bukannya dibazirkan pada perkara yang tidak memberi impak strategik.

MENYELARASKAN AMANAT 2026

MENTERI PERTAHANAN

Warga *The Navy People* yang saya kasihi sekalian,

40. YB Menteri Pertahanan telah menggariskan hala tuju yang sangat jelas untuk Kementerian Pertahanan. Sebagaimana yang telah ditegaskan melalui Perutusan Tahun Baharu bahawa tahun 2026 adalah tahun “Pelarasan Besar”.

41. Terdapat beberapa elemen penting daripada perutusan YB Menteri Pertahanan yang wajib kita laksanakan dalam TLDM iatu:

Pertama, Memulihkan Kepercayaan Rakyat terhadap ATM

42. Rakyat memberikan pengharapan tinggi kepada kita. Apabila kedaulatan maritim negara dicabar, khususnya di Laut China Selatan, rakyat mesti yakin bahawa TLDM berkeupayaan, kekal teguh dan boleh diharap.

43. Kepercayaan tidak dibina melalui publisiti kosong, tetapi melalui tingkah laku anggota yang bersih daripada salah laku.

Kedua, Membanteras Rasuah dan Ketirisan tanpa belas kasihan

44. Di sini saya ingin mengingatkan kepada Panglima-panglima dan Pengawai Memerintah sekalian untuk memastikan tiada budaya rasuah yang bermain di dalam markas dan unit di bawah pemerintahan masing-masing. *“It is time to put a stop to all these nonsense. If you are caught, It’s not just a personal issue; It jeopardizes everyone in the entire organization”.*

45. Selain itu, Jawatankuasa Anti Rasuah TLDM (JAR TLDM) perlu diperketat. Tiada tempat untuk orang tengah, kronisme atau manipulasi tender. Setiap ringgit wang peruntukan pertahanan ini mesti diterjemahkan kepada kesiagaan aset sebenar. Sesiapa yang terlibat dengan salah laku rasuah bersedia untuk berdepan tindakan paling keras.

Ketiga, Memulihkan integriti dan tatakelola

46. Trend pada hari ini, apabila timbul rasa tidak puas hati, cepat sahaja dimuatnaik ke media sosial. Apabila tiada tindakan diambil atau tindakan diambil tetapi tidak menjurus ke arah apa yang diinginkan, maka organisasi terus akan dituduh mengamalkan perkara-perkara buruk seperti pilih kasih, kronisme, melindungi kartel dan sebagainya.

47. Tuan-tuan dan puan-puan, kita tidak boleh hidup dalam keadaan anarki di mana semua undang-undang dan sistem kawalan tidak langsung dipercayai. ***“We must have full trust on the system.”*** Percayalah, setiap laporan yang dibuat akan diambil tindakan dan sekiranya berasas, pasti ianya ditangani mengikut lunas undang-undang. Laporkan melalui saluran yang disediakan.

48. Bahagian Inspektorat Jeneral dan semua unit sila laksanakan **Audit Tidak Terancang (ATT)** secara berkala. Tiada ruang untuk salah guna kuasa. Laporkan sebarang ketirisan integriti dan kesalahan tatakelola.

49. Jadikanlah Ikrar Bebas Rasuah (IBR) yang dilafazkan pada setiap tahun, dipahatkan dalam diri dan diterjemahkan melalui perbuatan. Bersama-sama lah kita memupuk nilai integriti dalam diri supaya tidak terlibat dengan kesalahan tata tertib atau salah laku tatakelola.

Dan, yang Keempat, Penguatkuasaan disiplin dan etika sosial tanpa toleransi

50. Budaya hedonisme, buli dan salah laku moral mesti dihentikan. Wisma dan *mess* bukan tempat untuk aktiviti tidak bermaruah. Pelanggaran etika akan menyebabkan hukuman tata tertib dijatuhkan secara serta-merta.

51. Di media sosial, penyebaran maklumat sensitif, berita palsu, atau rungutan yang mencemarkan imej pasukan perlu dihentikan!. “*We are under the microscope, everything we have posted will be judged by the public.*” Penggunaan internet boleh dikesan, “*and can be traced back to you.*”

52. Sebaliknya, jadikanlah platform ini sebagai platform yang positif untuk meningkatkan moral warga *The Navy People*. Kita tidak perlu memuat naik perkara yang tidak berfaedah. Segala apa yang kita muat naik di media sosial, menunjukkan sikap kita secara tidak langsung.

FOKUS STRATEGIK TLDM

EMPAT TERAS UTAMA

Warga *The Navy People* yang saya kasihi sekalian,

40. Seterusnya, saya ingin memfokuskan kepada Empat Teras Utama Kepimpinan TLDM untuk memastikan kita terus relevan dalam mendepani cabaran masa kini, sepertimana penegasan saya melalui Perutusan Ulung saya yang terdahulu, saya ingin memperincikan pelaksanaan Empat Teras Utama saya bagi tahun ini:

Teras Pertama: Memastikan Kesiagaan Armada Sebagai Fokus Utama

53. Walaupun berdepan dengan cabaran mengoperasikan **aset berusia** atau *ageing assets*, saya dan barisan kepimpinan Tentera Laut Diraja Malaysia akan terus berusaha memastikan setiap perancangan peningkatan kesiagaan dapat dilaksanakan dan mendapat sokongan terutamanya daripada pihak kerajaan.

54. Projek ***Littoral Combat Ship (LCS)*** kini sedang giat dilaksanakan oleh pihak LUNAS. Kita menjangkakan penerimaan **kapal LCS pertama** pada penghujung tahun 2026. Ini bakal menjadi peristiwa bersejarah yang dinanti-nantikan oleh seluruh negara.

55. Selain itu, pembinaan **LMS *Batch 2*** di Turkiye kini sedang berjalan dengan lancar. Keupayaan kapal terbaru ini adalah jauh lebih tinggi berbanding *batch* yang pertama dan akan menjadi tunjang pertahanan kita di lautan.

56. Kita juga sedang mempergiatkan usaha untuk perolehan **Multi Role Support Ship (MRSS)**. Sebagaimana kata Menteri Pertahanan, keperluan aset yang kita miliki ini bukan sekadar untuk berperang, tetapi untuk diplomasi pertahanan dan **bantuan kemanusiaan** atau **Humanitarian Assistance & Disaster Relief (HADR)** yang lebih berkesan.

57. *The MRSS is the main link between us and our sister services*, dan merupakan salah satu komponen utama dalam strategi “Angkatan Masa Hadapan.”

Teras Kedua: Memperkasa Penjajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5

58. Pelan *15to5* tetap menjadi kompas kita. Walaupun terdapat pelbagai rintangan, visi untuk memiliki armada yang lebih kecil saiznya tetapi lebih besar keupayaannya tetap menjadi matlamat akhir.

59. Penyelarasan semula pembinaan **LCS** dan perolehan aset baharu **LMS Batch 2** serta **MRSS** yang sedang giat diusahakan adalah sebahagian daripada strategi adaptasi kita.

60. Penglibatan industri pertahanan tempatan juga diharapkan untuk memperlengkapkan TLDM dengan sistem-sistem pertahanan moden yang dibangunkan oleh syarikat domestik.

61. Kita tidak hanya mahu kapal, kita mahukan sistem tempur yang mampu menghadapi ancaman peperangan maritim moden, termasuk ancaman dron dan peperangan elektronik.

Teras Ketiga: Mengukuhkan Integrasi dan Sinergi (Jointness)

62. Pertahanan maritim negara bukan tugas TLDM sendirian. Kita mesti bekerja rapat dengan **Tentera Darat Malaysia (TDM)** dan **Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)**.

63. Sinergi antara agensi-agensi kerajaan yang lain seperti **Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM)** juga akan diperkukuh bagi memastikan keselamatan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara sentiasa terpelihara daripada pencerobohan asing.

64. Pendekatan *Whole-of-Government* yang ditekankan oleh Kementerian Pertahanan akan kita laksanakan melalui eksekusi bersama yang lebih kerap.

Dan, Teras yang Keempat: Memperkasa Pengurusan Sumber Manusia

65. Sumber manusia adalah aset paling berharga dalam TLDM. "*A system is only as good as the person operating it*".

66. Sepanjang tahun 2025, seramai **412** pegawai dan **4,370** anggota LLP telah dinaikkan pangkat. Ini adalah pengiktirafan kepada dedikasi anda.

67. Bagi tahun 2026, fokus kita adalah untuk memastikan pemilihan kenaikan pangkat dan kursus dibuat **tanpa prejudis** atau berat sebelah.

68. Tiada lagi istilah "pilih kasih" atau birokrasi yang membantutkan kerjaya warga *The Navy People* yang cemerlang. "*Please remember that the excellence of our organisation is cultivated in an environment where every*

member feels valued, supported and driven to achieve their fullest potential”.

69. Selain itu, program ***Recognition of Prior Experiential Learning (RPEL)*** akan diteruskan bagi memastikan warga TLDM memiliki Diploma Kemahiran Malaysia (DKM). Kita mahu warga kita mempunyai masa depan yang cerah bukan sahaja semasa berkhidmat, tetapi juga sebagai veteran yang kompetitif dalam pasaran kerja awam kelak.

KEBAJIKAN DAN PEMBANGUNAN

INFRASTRUKTUR

Warga *The Navy People* yang dikasihi sekalian,

70. Kebajikan warga *The Navy People* sentiasa menjadi keutamaan. Kerajaan Malaysia telah memperuntukan **RM476.4 juta** untuk penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan fasiliti tentera secara keseluruhan.

71. Di pihak TLDM, kita perlu memastikan projek-projek infrastruktur seperti pembinaan **RKTLDM baharu** di Kota Kinabalu, MAWILLA 2, dan Pusat Hidrografi Nasional disiapkan mengikut jadual.

72. Pembinaan **MAWILLA 4** di Muara Tebas, Sarawak kini menerima nafas baharu susulan persetujuan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

73. Pembinaan yang dirancang di Muara Tebas ini merupakan satu langkah strategik yang lebih menjimatkan kos serta mampu meningkatkan jangkauan dan keupayaan operasi TLDM di perairan Sarawak.

74. Tidak dilupakan juga kepada **Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Laut**. BAKAT Laut telah yang menjadi tulang belakang TLDM untuk membimbing para isteri pegawai dan anggota TLDM dalam memperkukuh keharmonian institusi kekeluargaan melalui aktiviti sosial, pendidikan dan sokongan moral.

75. BAKAT Laut juga telah menyumbang kepada kesejahteraan keluarga, sekali gus meningkatkan fokus, motivasi dan keberkesanan anggota TLDM dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan.

ASPIRASI TLDM 2026

TRANSFORMASI MEMPERKASA ARMADA

Warga *The Navy People* yang dikasihi sekalian,

76. Di sini saya turut ingin membentangkan perubahan ketara dari sudut keupayaan “*missile firing platforms*” aset TLDM, “*from what we had in 2009, to where we are today*”.

77. Sehingga tahun 2009, TLDM memiliki sebanyak **18 *missile firing platforms*** merangkumi dua (2) buah Frigat, dua (2) buah Korvet, empat (4) buah laksamana class, lapan (8) buah *Fast Attack Craft* (FAC) dan dua (2) buah Kapal Selam.

78. Gabungan keupayaan pelbagai kelas aset ini telah membentuk satu “*credible deterrent force*” yang telah memberikan keseimbangan keupayaan tempur dalam konteks keselamatan maritim serantau pada ketika itu.

79. Namun, selepas itu, jumlah tersebut telah menurun secara mendadak kepada hanya **5 platform aktif**, iaitu KD LEKIU, KD KASTURI, KD LEKIR, KD TUNKU ABDUL RAHMAN dan KD TUN RAZAK.

80. Peralihan daripada **18 kepada 5 platform** ini bukan sekadar mencerminkan “*ageing assets and ageing system*”, malah memberi amaran jelas bahawa “*our missile capable fleet is shrinking rapidly*”. Keadaan ini menuntut tindakan strategik bagi memperkukuh semula keupayaan serangan TLDM.

81. Justeru, pelaksanaan Pelan Transformasi *15to5* menjadi amat penting bagi memastikan TLDM memiliki sebuah “*fighting force*” yang kekal relevan dan berupaya melindungi kepentingan maritim negara.

82. Pada peringkat awal, *envisioned structure* pelan bagi hala tuju pembangunan *missile firing platforms* TLDM di bawah Pelan Transformasi *15to5* menetapkan pembangunan sebanyak **16 platform** berkeupayaan pelancaran misil, merangkumi 12 Kapal LCS dan 4 buah kapal selam.

83. Dengan komitmen berterusan kerajaan, perancangan pembangunan semasa kini menyokong peningkatan keupayaan kepada **20 missile firing platforms**.

84. Sehingga ke saat ini, Kerajaan telah memberikan komitmen, di mana gabungan baharu akan merangkumi lima (5) buah Kapal LCS, tiga (3) buah Kapal LMS *Batch* 2, dua (2) buah Kapal Frigat, dua (2) buah Kapal Korvet, dua (2) buah Kapal Selam serta enam (6) buah Kapal Peronda (PV) yang sedang melalui proses permodenan. Peningkatan ini membuktikan sokongan padu kerajaan terhadap aspirasi Pelan Transformasi *15to5*.

85. Secara relatif, jumlah **20 platforms** ini adalah memadai buat masa kini dan akan meletakkan TLDM setanding dengan keupayaan negara-negara lain di rantau Asia Tenggara.

86. Dengan hala tuju yang jelas dan berfasa ini, TLDM bukan sahaja membina semula kekuatan armada, malah memastikan setiap langkah pembangunan dilaksanakan secara terancang, mampan dan berdaya tempur tinggi.

87. Walau bagaimanapun, ia akan memakan masa untuk direalisasikan. Kita semua dan rakyat perlu bersabar dan berikan masa kepada ini kepada Kerajaan, ATM dan TLDM.

88. Tuan-tuan dan puan-puan. Kini kita telah memasuki fasa di bawah pelaksanaan RMK Ke-13. Kerajaan Malaysia telah memberikan fokus yang penting kepada peningkatan keupayaan TLDM. “Alhamdulillah, *the hard part. The preparation for RMK is done and over with.*” projek-projek besar kita pun telah diluluskan. “*Now, it’s time to execute the plan.*”

89. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih atas sokongan Kerajaan kepada ATM dan TLDM.

MARITIM SERANTAU PERAIRAN DAN KEDAULATAN

Warga *The Navy People* yang dikasihi sekalian,

90. Di sini, Saya ingin memberi pujian khusus kepada Pusat Hidrografi Nasional (PHN). Sepanjang tahun 2025, PHN telah mengukur **42.7%** perairan Malaysia menggunakan **resolusi tinggi**. Ini adalah pencapaian yang boleh kita semua banggakan.

91. Selain itu, pendaftaran sebanyak **17 fitur dasar laut** di Laut China Selatan dan penemuan **34 fitur baharu** adalah bukti bahawa TLDM bukan sekadar "menjaga perairan negara".

92. Tetapi kita juga turut berusaha keras "mempertahankan kedaulatan pemilikan" dasar laut kita secara saintifik dan perundangan di dalam persidangan ***Sub-Committee on Undersea Features Names (SCUFN)***.

93. Ini adalah elemen penting dalam diplomasi antarabangsa bagi mempertahankan hak kedaulatan kita.

SUKAN DAN KEPIMPINAN

RAMPAS SEMULA KEJUARAAN

94. Dalam aspek sukan, saya mengakui ada sedikit kekecewaan apabila **Piala Kejuaraan ISG ATM** terlepas ke tangan perkhidmatan lain setelah **15 tahun** kita pertahankan secara berturut-turut.

95. Namun begitu, acara tradisi bola sepak iaitu “ibu segala pingat” yang tetap menjadi tumpuan utama, telah sedikit sebanyak mengubat hati warga *The Navy People*.

96. Terutamanya apabila, perlawanan akhir yang saya saksikan sendiri itu berakhir dengan kemenangan yang berpihak kepada TLDM.

97. Selain itu, untuk pengetahuan semua, seramai **33 atlet** kita telah mewakili negara ke temasya Sukan SEA Bangkok 2025.

98. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan, berbanding hanya **12 atlet** TLDM telah terpilih mewakili negara pada edisi terdahulu di Phnom Penh, Kemboja. Ini adalah suatu pencapaian yang membanggakan.

99. Justeru itu, bagi tahun 2026, saya mahu semangat ini diterjemahkan kepada kemenangan. Kita **harus rampas semula** kejuaraan ISG ATM tersebut!

100. Manakala, bagi program **NAVY RUN 2026** akan diteruskan lagi dengan sasaran penyertaan yang lebih besar.

101. Penganjuran **NAVY RUN 2025** telah mencatat sejarah tersendiri dengan penyertaan lebih **11,000 peserta** berbanding **6,000 peserta** pada tahun sebelumnya.

102. Ini adalah medium terbaik untuk kita mendekatkan diri dengan masyarakat bagi mereka lebih mengenali diri kita yang sebenarnya melalui konsep *Whole-of-Society*".

PERINGATAN UNTUK SEMUA

KEKUATAN TERLETAK PADA AKHLAK

Untuk Perhatian Warga *The Navy People* sekalian,

103. Sebelum saya mengakhiri keputusan ini, saya ingin memetik kata-kata dari salah seorang tokoh kepimpinan terdahulu; "Kekuatan seseorang bukan hanya pada kuasa, tetapi pada akhlak dan nilai yang dipegangnya."

104. Menjadi sebahagian daripada keluarga TLDM adalah **satu kemuliaan**. Ingat, kekuatan sebenar kita terletak pada akhlak dan integriti. Ini kerana, apabila nilai ini diketepikan demi keuntungan peribadi, keselamatan negara akan terdedah kepada ancaman."

105. Saya mengarahkan semua Panglima-panglima dan Pegawai-pegawai Memerintah untuk melakukan **pemeriksaan sendiri (self inspection)** secara berkala.

106. Pastikan SOP dipatuhi. Jangan tunggu sehingga berlaku kemalangan baru kita mahu bertindak. Mencegah adalah lebih baik daripada merawat.

Keselamatan kapal dan nyawa anggota adalah tanggungjawab yang tidak boleh dikompromi.

107. Banyak cabaran, banyak rintangan. Tetapi jangan hanya lihat semua ini sebagai cabaran, tetapi sebagai peluang. Peluang untuk menyinar dan melakukan yang lebih baik lagi.

PENUTUP

BERSATU MENUJU 2026

108. Tahun 2026 akan menjadi saksi kepada kebangkitan semula TLDM sebagai kuasa maritim yang kredibel. Segala perancangan yang saya bentangkan tadi tidak akan bermakna tanpa sokongan padu daripada setiap lapisan warga *The Navy People*.

109. Kita adalah sebuah keluarga besar yang terikat dengan **sumpah setia** kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan negara tercinta ini.

110. Saya menyeru agar kita semua melangkah ke tahun 2026 dengan azam dan tekad baharu. Jangan terlalu bangga dengan pencapaian lalu sehingga kita alpa.

111. Cabaran di hadapan lebih kompleks, ancaman lebih sofistikated, dan **harapan masyarakat** terhadap kita adalah tinggi.

112. Sebelum mengakhiri **Perutusan Tahun Baharu 2026** ini, saya ingin memetik ungkapan hadis yang diriwayatkan oleh Al-Tarmizi;

“Setiap daripada kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpinnya.”

113. Jadikanlah hadis ini sebagai pedoman kita dalam setiap tugas.

114. Akhir kalam, saya berdoa semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha kita, melindungi armada kita daripada segala mara bahaya, dan menjadikan tahun 2026 ini sebagai tahun yang paling gemilang dalam sejarah Tentera Laut Diraja Malaysia.

- Untuk Angkatan Udara TLDM, terima kasih setinggi-tingginya,
- Untuk Angkatan Permukaan, terima kasih seluas-luasnya,
- Untuk Angkatan Kapal Selam, terima kasih sedalam-dalamnya,

115. Terima kasih kepada seluruh warga *The Navy People* atas segala pengorbanan anda.

"Lets plan the dive and dive the plan."

116. Sekian, saya sudahi perutusan saya dengan lafaz,

**Wabillahitaufik Walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Selamat Tahun Baharu 2026.

‘Sedia Berkorban’